

# Orang tengah jangan kaut untung melampau

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR  
pengerang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 JUN

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK) akan menjalankan rundingan dengan 'orang tengah' bagi memastikan peniaga dan pembeli tidak terhimpit dalam monopoli harga pihak ketiga itu.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, kementerian telah mengenal pasti orang tengah yang terlibat bagi membolehkan perbincangan untuk menurunkan harga yang ditawarkan kepada peniaga dapat dilakukan.

"Kita mendapati ada yang menjual ayam melebihi RM5 sekilogram," katanya. Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam rantai perolehan ayam.

"Tetapi apabila peniaga jual pada harga RM7.90 sekilogram, mereka memaklumkan hanya untung 30 sen kerana orang tengah menjual kepada mereka pada harga RM7.60 sekilogram, maka keuntungan diperoleh peniaga tidak mencukupi untuk menampung kos perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pelancaran Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Aidilfitri 2016 di Pasar Raja Bot, Chow Kit, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Seti-usaha Kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh dan Presiden Persatuan Peniaga Perumahan Wilayah Persekutuan, Datuk Mohd. Sulaiman.

Sebelum ini, pihak ber-kaitan telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam rantai perolehan ayam.

sedangkan orang tengah dapat untung sampai RM2," jelasnya.

Terdahulu, Hamzah Zainudin mengumumkan sebanyak 10 orang disenaraikan di bawah Kawalan Harga Musim Perayaan Aidilfitri 2016 berkuat kuasa hari ini hingga 6 Julai.

Katanya, skim tersebut berkuat kuasa selama tiga bulan cara serentak di seluruh negara.

"Pihak penguat kuasa memantau harga termasuk peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim ini termasuk memamerkan tanda harga yang salah pada barangan yang ditetapkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memberitahu peniaga makanan di bazar Ramadan juga tidak wajar menaikkan harga dengan bermulanya skim kawalan harga ini.

"Ayam pun sudah murah, jadi jangan dinaikkan harga kerana ia akan memberi rasa hasrat kepada pembeli," katanya.

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

## Ayam mati akibat penyakit punca harga tinggi

Oleh AFIQ SYAHMI MOHD. SHAH

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 17 Jun** - Peningkatan harga ayam di peringkat penternak dan orang tengah sehingga menyebabkan penjual ayam segar hanya memperoleh keuntungan 30 sen sekiranya menjual pada harga RM7.90 sekilogram mengikut Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Aidilfitri tahun ini, merupakan situasi yang tidak dapat dielakkan.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor, Datuk Ishak Mat Arif berkata, penternak terutamanya di Lembah Klang terpaksa menaikkan harga kerana ternakan dijangkiti penyakit *Infectious Bronchitis* (IB) iaitu penyakit saluran pernafasan sehingga menyebabkan haiwan itu mati.

Katanya, penternak terpaksa menanggung kos rawatan yang tinggi disebabkan penyakit tersebut sehinggakan ada di antara mereka menutup operasi perniagaan buat sementara waktu.

"Oleh sebab itu, kami terpaksa menaikkan sedikit harga dan tidak mustahil orang tengah juga menaikkan harga untuk menampung kos perbelanjaan memproses ayam-ayam tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malay-*

*sia* di sini hari ini.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin memberitahu, ada segelintir peniaga ayam mendakwa hanya mendapat keuntungan sebanyak 30 sen sekiranya menjual pada harga RM7.90 sekilogram mengikut Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Aidilfitri kerana orang tengah meletakkan harga RM7.60 sekilogram.

Menurut Ishak, orang tengah juga memainkan peranan penting dalam rantai perniagaan ayam dan penjual terpaksa menanggung kos lebih tinggi sekiranya tidak ada orang tengah 'membantu' mereka.

Katanya, orang tengah berperanan untuk memproses ayam termasuk sembelihan dan pembersihan sebelum menjualnya kepada penjual ayam segar.

"Sekiranya tidak ada orang tengah, penjual terpaksa melakukan sendiri proses tersebut dan membuatkan mereka menanggung kos yang lebih tinggi.

"Namun begitu, saya menyarankan orang tengah supaya tidak mengambil kesempatan sempena Aidilfitri dengan sesuka hati menaikkan harga kerana perkara tersebut bukan sahaja membebankan pengguna, malah menyukarkan penjual mendapat keuntungan lebih besar," katanya.

Utusan  
18/6/16